

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT, YAYASAN ANGKASA METERAI MOU, PERKASA PENDIDIKAN DAN KOMUNITI

Kuala Lumpur, 24 Januari 2026 – Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (*MoU*) bersama Yayasan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dalam satu majlis rasmi yang turut disusuli dengan Pelancaran Kempen Baharu Jariah Fund (JF) Bank Muamalat, sebagai usaha berterusan memperkukuh sokongan terhadap pendidikan, kebajikan masyarakat dan pembangunan komuniti secara mampan.

Kerjasama strategik ini bertujuan mewujudkan sinergi antara kedua-dua pihak dalam pelbagai bidang yang memberi manfaat langsung kepada pelajar institusi pengajian tinggi serta komuniti, selari dengan prinsip kewangan Islam dan komitmen tanggungjawab sosial korporat.

Melalui *MoU* ini, Bank Muamalat dan Yayasan ANGKASA bersetuju untuk bekerjasama dalam pelaksanaan program pendanaan awam bagi Dana Pendidikan Yayasan ANGKASA, khususnya bagi menyokong pelajar pusat pengajian tinggi yang menerima pembiayaan pendidikan daripada Yayasan tersebut.

Sejak tahun 2000 sehingga kini, Yayasan ANGKASA telah mengagihkan pembiayaan lebih RM32 juta kepada 1,700 pelajar. Daripada jumlah itu, lebih RM11 juta telah ditukar kepada biasiswa.

Selain itu, kerjasama ini merangkumi promosi bersama dan kolaborasi dalam program tanggungjawab sosial korporat (*CSR*), penganjuran seminar, bengkel serta sesi perkongsian ilmu berkaitan kewangan Islam, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan. Kedua-dua pihak turut bersetuju menawarkan peluang penajaan dan pakej korporat bagi menyokong aktiviti pembangunan komuniti dan pendidikan.

Dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan, Bank Muamalat juga akan menyediakan peluang latihan industri kepada pelajar tajaan Yayasan ANGKASA, khususnya dalam sektor perbankan dan kewangan Islam.

Majlis menandatangani *MoU* tersebut diadakan sempena Majlis Penyerahan Surat Tawaran dan Anugerah Cemerlang Pembiayaan Pendidikan Boleh Ubah Yayasan ANGKASA Sesi 2025/2026 dan disempurnakan oleh wakil Yayasan ANGKASA, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah dan wakil Bank Muamalat, Dato' Mohamed Nazir Nor Mohamed di sini, hari ini.

Bank Muamalat turut mengambil peluang menganjurkan sesi literasi kewangan Cilik Celik Kewangan bersama lebih 700 hadirin dalam majlis tersebut.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad, **Datuk Khairul Kamarudin**, berkata kerjasama ini mencerminkan komitmen Bank Muamalat untuk memainkan peranan lebih aktif dalam memperkasa pendidikan dan membangunkan masyarakat secara inklusif.

“Dengan 12,045 koperasi dan melebihi 7.2 juta ahli yang bernaung di bawah ANGKASA, kerjasama strategik bersama Yayasan ANGKASA ini sejajar dengan aspirasi Bank Muamalat untuk menjadikan kewangan Islam sebagai pemangkin kesejahteraan ummah. Menerusi inisiatif seperti Dana Pendidikan, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) serta latihan industri, kami berhasrat menyokong usaha melahirkan generasi berilmu, berdaya saing dan bersedia menyumbang secara bermakna kepada pembangunan negara,” katanya.

Khairul turut menambah bahawa pelancaran kempen baharu tersebut merupakan manifestasi komitmen Bank Muamalat dalam memperkukuh ekosistem kebajikan berteraskan nilai Islam.

“Jarrah Fund diwujudkan sebagai platform untuk menggalakkan penyertaan orang ramai, institusi dan rakan korporat dalam menyokong inisiatif kebajikan dan pendidikan yang memberi impak berpanjangan. Ia mencerminkan prinsip perkongsian nilai yang menjadi teras Bank Muamalat,” tambahnya.

Kerjasama antara Bank Muamalat dan Yayasan ANGKASA ini dijangka dapat memberi impak positif jangka panjang, bukan sahaja kepada para pelajar dan penerima manfaat, malah kepada pembangunan ekosistem kewangan Islam dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Untuk maklumat lanjut berkenaan inisiatif tanggungjawab sosial Bank Muamalat, layari **www.muamalat.com.my** atau kunjungi mana-mana cawangan berhampiran.

Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.